

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 17 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 72-100591
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah tahap keselamatan penduduk yang mendiami pangsapuri dan apartmen milik DBKL, terutamanya selepas kejadian gegaran baru-baru ini yang telah meretakkan beberapa blok bangunan pangsapuri DBKL di sekitar ibu kota, apakah DBKL telah melaksanakan kajian struktur untuk memantau keteguhan bangunan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan ianya terus selamat untuk didiami.
2. 48-100001
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimana Malaysia yang menjadi pengeluar utama minyak kelapa sawit bersedia memainkan peranannya apabila keperluan menggunakan 'biofuel' iaitu bahan api yang bercampur dengan minyak kelapa sawit dikuatkuasakan di Eropah dan apakah implikasinya.
3. 8-100507
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan peratus kadar penggangguran di Malaysia dan apakah rancangan yang sedang dirangka oleh Kementerian bagi membantu graduan-graduan yang mengganggungur ini.
4. 62-100145
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula peraturan pengambilan anak angkat yang mensyaratkan pendaftaran anak angkat hanya boleh dibuat selepas tempoh dua tahun.

5. 21-100240
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pihak Kementerian menjadikan pendidikan jasmani sebagai salah satu subjek dalam peperiksaan adalah adil kepada pelajar-pelajar yang bersekolah dalam peperiksaan adalah adil kepada pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah yang tidak mempunyai padang permainan atau dewan bagi tujuan aktiviti sukan dan terutama sekali tanpa Guru Pendidikan Jasmani yang berkelayakan.
6. 50-100522
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan krisis yang kini dihadapi beberapa persatuan dan badan sukan kebangsaan dilihat berpunca daripada masalah politik dalaman persatuan. Apakah strategi Kementerian untuk mengubatinya. Adakah wajar sekiranya golongan profesional pula diajak bergiat di dalam persatuan sebegini untuk menampilkan pentadbiran yang telus, efisien dan bertanggungjawab.
7. 25-100348
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapakah pendaftaran kenderaan atas 'private number' dan antara kenderaan lama dengan kenderaan lama yang dicadang akhir tahun 1990-an masih belum dilaksanakan. Apakah masalah pelaksanaan cadangan itu.
8. 71-100555
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menjadikan Melaka Bandaraya Bersejarah sebagai antara 50 "heritage city" di dunia dan memastikan ianya berupaya untuk menjadi legasi sejarah yang akan dikagumi serta dikunjungi pelancong.
9. 14-100440
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilangan estet yang masih tidak mempunyai bekalan air berpaip (SYABAS) di negara kita dan apakah usaha Kementerian di dalam menaik taraf kemudahan asas tersebut.
10. 45-100307
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan tambang kenderaan awam seperti bas dan teksi. Setakat manakah kenaikan harga petrol mempengaruhi kenaikan tambang ini.

11. 60-100423
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) apakah nama syarikat milik Singapura yang dibenarkan memiliki saham syarikat yang ada kepentingan strategik dan nasional seperti PROTON, TNB dan TELEKOM; dan
 - (b) kenapa ia dibenarkan dan berapa peratuskah jumlah saham yang dikuasai oleh syarikat-syarikat asing tersebut.
12. 15-100427
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan untuk menjadikan mahasiswa dan mahasiswi cemerlang adunan IQ + EQ + SQ adalah penting. Bagaimanakah Kementerian menseimbangkan di antara mengejar kecemerlangan akademik dengan keluhuran budi agar dapat diadun di IPTA dan IPTS di negara ini.
13. 66-100245
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jenayah kecurian harta benda awam, pecah rumah, ragut dan paksaan sering berlaku di beberapa kawasan di negeri Sarawak. Dapatkah Kementerian menambah bilangan pegawai keselamatan atau polis ke kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya jenayah ini.
14. 9-100509
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk membantu bekas-bekas tentera dari segi perumahan dan peningkatan ekonomi mereka melalui anak-anak syarikatnya.
15. 27-100480
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membawa pulang saintis-saintis tempatan dari luar negara. Apakah insentif-insentif yang ditawarkan untuk menyemarakkan dan menginovasikan idea-idea mereka.
16. 52-100584
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengimplementasikan satu piawai seragam bagi petunjuk-petunjuk jalan di seluruh Malaysia agar mencerminkan satu standard serta dapat mengurangkan kekeliruan.

17. 7-100218
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) sama ada pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah telah mencapai kejayaan; dan
 - (b) adakah kemungkinan Kerajaan akan menarik balik dasar ini akibat tekanan daripada pertubuhan-pertubuhan tertentu.
18. 56-100087
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan masalah kanak-kanak terbiar di Malaysia Timur.
19. 61-100470
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk menjadikan bacaan wajib di sekolah dan universiti, buku-buku hasil karya sasterawan negara, sekurang-kurangnya satu buku setiap karya bagi 9 orang sasterawan memandangkan karya-karya tersebut adalah bermutu tinggi.
20. 20-100103
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota "Senoi Praq" berdasarkan pangkat dan adakah anggota-anggota berkenaan terlibat dengan kenaikan alaun-elaun serta pangkat seperti mana yang diterima oleh anggota tentera dan polis.
21. 70-100213
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian untuk memperbaiki pelaksanaan dasar pengajaran Sains dan Matematik berikutan kegagalan dasar tersebut yang berpunca daripada proses perlaksanaan yang tidak berkesan menyebabkan banyak pihak tidak berpuas hati.
22. 30-100534
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mencadangkan kepada Kerajaan agar beberapa jenis sukan popular seperti bola sepak, badminton dan olahraga diberikan gaji bulanan berdasarkan pencapaian prestasi dari masa ke semasa.
23. 65-100071
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah kelas pra-sekolah di seluruh Malaysia sekarang dan bilakah semua sekolah akan diwajibkan mengadakan kelas pra-sekolah di negara ini.

24. 37-100538
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana kuasa undang-undang yang diperuntukkan kepada Bank Negara untuk mengawal selia tindak-tanduk bank-bank perdagangan yang mengenakan yuran perkhidmatan ke atas para pengguna. Berapakah jumlah aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai mengenai yuran perkhidmatan yang terlalu tinggi dan bilangan kes yang jelas menunjukkan bank-bank perdagangan telah bertindak di luar batasan undang-undang jika ada.
25. 38-100382
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan langkah tegas yang diambil terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap bagi kali kedua.
26. 17-100422
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kelemahan yang terdapat dalam sistem pembelajaran kerana terlalu fokus kepada peperiksaan dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi kelemahan tersebut.
27. 24-100577
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan Sabah amat sesuai untuk menjadikan pusat perikanan antarabangsa kerana lokasinya yang terbuka dan luas menghadap lautan. Ia juga kaya dengan hasil laut dan kedalaman laut membolehkan industri ini berkembang pesat. Apakah strategi Kementerian untuk memastikan wawasan ini boleh dicapai di dalam usaha pembangunan Sabah.
28. 43-100039
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan menghapuskan rasuah melalui usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil.
29. 67-100109
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan struktur pembangunan industri makanan halal negara telah dilaksanakan dan apakah peranan yang dapat dimainkan oleh rakan-rakan ASEAN bagi memantapkan lagi program pembangunan industri ini di Malaysia.
30. 19-100359
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan menjelaskan mengapakah semakin ramai bekas banduan terjebak semula dengan jenayah. Adakah ini membuktikan bahawa program "Pemulihan dan Rawatan" yang dilaksanakan di dalam penjara-penjara di Malaysia TIDAK relevan dan berkesan.

31. 43-100020
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Kerajaan terhadap program mewujudkan setinggan sifar di negara ini.
32. 7-100228
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa hasrat Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti kekayaan negara untuk kaum India dari 1.5% ke 3% menjelang 2005 adalah murni. Namun, Kerajaan telah gagal untuk menyatakan apa-apa langkah secara spesifik untuk mencapai sasaran itu. Dapatkah satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk memantau pengimplementasian langkah-langkah spesifik itu.
33. 20-100123
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kementerian memberi kebenaran penggunaan ruang udara Malaysia atau sebahagiannya oleh tentera Republik Singapura semata-mata untuk mendapatkan semula wang simpanan pekerja (EPF) rakyat Malaysia di Singapura. Sekiranya tidak, apakah langkah-langkah untuk mendapatkan EPF ini.
34. 37-100543
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mengkaji semula pelaksanaan peperiksaan penilaian tahap kecekapan (PTK) bagi semua skim perkhidmatan awam kerana kadar kegagalan yang sangat tinggi.
35. 51-100010
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menaikkan pelaburan asing secara langsung (FDI) ke Malaysia, dan sama ada Kerajaan bercadang mengkaji semula peraturan-peraturan atau undang-undang yang sedia ada yang menyekat kemasukan FDI.
36. 9-100361
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pegawai-pegawai Kementerian memantau prestasi guru-guru yang terlibat dalam pengajaran subjek Matematik dan Sains di dalam Bahasa Inggeris. Adakah pegawai berkenaan memantau sama ada guru-guru di sekolah-sekolah bandar dan juga di luar bandar menggunakan sepenuhnya (fully utilized) alat bantu mengajar bagi meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar.

37. 18-100493
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memastikan bekalan diesel yang mencukupi di seluruh negara terutama di Sabah, Sarawak dan negeri-negeri sebelah utara yang bersempadanan dengan Thailand. Apakah wajar kekhawatiran di mana berlakunya penyeludupan menyebabkan rakyat menanggung beban kekurangan bekalan.
38. 39-100466
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah kualiti air masih lagi tidak bersih sedangkan harga air telah dinaikkan dan sejauh manakah usaha yang dilakukan dalam menyalurkan air yang bersih kepada rakyat.
39. 70-100193
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian sedar kelewatan Kerajaan bermuafakat dengan pihak Indonesia mengambil langkah segera membanteras kegiatan lanun di perairan Selat Melaka akan memberi ruang kepada pihak luar memberi tekanan dan desakan untuk menempatkan pasukan keselamatan mereka mengawal perairan negara kita.
40. 69-100340
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Pelan Tindakan dalam menjaga anggota-anggota KEMAS (Jabatan Kemajuan Masyarakat) ini adalah kerana 95% anggota KEMAS adalah terdiri daripada kakitangan kontrak tetapi peranan yang dimainkan oleh mereka agak besar dalam memajukan masyarakat luar bandar. Adakah faedah yang didapati oleh mereka sama seperti yang diperolehi oleh kakitangan tetap.
41. 60-100386
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
- (a) apakah syarat-syarat untuk bas sekolah beroperasi kerana terdapat banyak bas sekolah yang uzur terus digunakan untuk mengangkut murid sekolah; dan
 - (b) bilakah Kerajaan akan mewajibkan supaya semua bas sekolah menggunakan penghawa dingin dan penggunaan seorang bas atendan bagi bas yang mengangkut murid sekolah rendah dan tadika.

42. 62-100154
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan wanita yang telah menjalani rawatan pemulihan dadah dan apakah program Kementerian untuk mengukuhkan penerimaan masyarakat terhadap golongan tersebut.
43. 4-100552
Datin Paduka Jaya Partiban minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan sistem penyampaian dan pelaksanaan dasar yang efektif kerana kumpulan sasar yang sepatutnya menikmati faedah sesuatu dasar kadang kala tidak diberi perhatian langsung. Perlukah Kerajaan membentuk suatu panel seperti MAPEN bagi memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan sesuatu dasar itu.
44. 65-100070
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perbezaan di antara Sekolah Wawasan dengan Sekolah Kebangsaan.
45. 41-100275
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan sumber bantuan kepada Projek Keagamaan Bukan Islam sangat terhad, apakah boleh sekiranya Peruntukan Khas Ahli Dewan Negara dibenarkan untuk memberi kepada Projek Keagamaan Bukan Islam.
46. 57-100151
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemalangan jalan raya berpunca dari tiga faktor utama iaitu faktor manusia (67%, faktor keadaan jalanraya (28%) dan faktor kenderaan (5%). Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan di dalam menangani ketiga-tiga faktor yang tersebut di atas.
47. 33-100411
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapakah jumlah syarikat pengeluar makanan di negara ini yang telah melanggar peraturan-peraturan penggunaan logo "Halal" serta apakah nama-nama syarikat pengeluar makanan tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 7/2005) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005–
**Menyambung semula Perbahasan atas masalah
“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang
kedua sekarang. (16 Mei 2005)**
2. (D.R. 2/2005) Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan **Bacaan Kali
(Pindaan) 2005 Yang Kedua**
3. (D.R. 6/2005) Rang Undang-undang Ahli Parlimen “
(Saraan) (Pindaan) 2005
4. (D.R. 28/2004) Rang Undang-undang Konvensyen Senjata “
Kimia 2004
5. (D.R. 3/2005) Rang Undang-undang Angkatan Tentera “
(Pindaan) 2005

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	17 Mei 2005
ST.26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Pertubuhan Peladang MADA (YAYASAN) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	17 Mei 2005
ST.27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit).	17 Mei 2005
ST.28	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	17 Mei 2005